



**PEJABAT TANAH DAN GALIAN  
NEGERI PULAU PINANG  
PARAS 22, KOMTAR,  
10000 PULAU PINANG.**

---

## **DOKUMEN SEBUT HARGA**

**NO. SEBUT HARGA : PTG PP/(S)/PENT/137**

TAJUK :

**PERKHIDMATAN PENYEWAAN DAN PENYENGGARAAN MESIN  
PENYALIN DIGITAL KEPADA PEJABAT TANAH DAN GALIAN NEGERI  
PULAU PINANG BAGI TEMPOH 36 BULAN MULAI 01 APRIL 2021  
SEHINGGA 31 MAC 2024**

TARIKH TUTUP : 10 MAC 2021

Nama Syarikat : .....
Alamat : ..... ..... .....
No. Daftar Kementerian Kewangan : .....
Tempoh Daftar : .....
.....

**NO. SEBUTHARGA : PTG PP/(S)/PENT/137**

**PERKHIDMATAN PENYEWAAN DAN PENYENGGARAAN MESIN PENYALIN  
DIGITAL KEPADA PEJABAT TANAH DAN GALIAN NEGERI PULAU PINANG BAGI  
TEMPOH 36 BULAN MULAI 01 APRIL 2021 SEHINGGA 31 MAC 2024**

---

**KANDUNGAN**

- 1.0 Kenyataan Tawaran
- 2.0 Senarai Semak
- 3.0 Arahan Kepada Penyebut Harga
- 4.0 Lampiran A – Syarat-Syarat Am Sebutharga
- 5.0 Lampiran B - Spesifikasi dan Syarat-Syarat Khas Sebutharga
- 6.0 Lampiran C – Keterangan Mengenai Penyebutharga
- 7.0 Lampiran D – Kedudukan Kewangan Penyebutharga  
(*Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank bagi tiga (3) bulan terakhir*)
- 8.0 Lampiran E – Surat Akuan Penyebutharga
- 9.0 Lampiran F – Jadual Harga Sebutharga
- 10.0 Lampiran G – Borang Asas Perkiraan Harga
- 11.0 Lampiran H - Senarai Perkhidmatan yang Sedang dan Telah Dilaksanakan
- 12.0 Lampiran I – Surat Akuan Pembida  
(SPP 10 Tahun 2010 bertarikh 16 Disember 2010)
- 13.0 Lampiran J - Surat Akuan Pembida Berjaya  
(SPP 10 Tahun 2010 bertarikh 16 Disember 2010)

**PERINGATAN PENTING :**

**SILA SUSUN DOKUMEN SEBUT HARGA INI MENGIKUT TURUTAN DI ATAS.**

**SETIAP PENYEBUT HARGA DIKEHENDAKI MEMBACA DAN MEMAHAMI  
KESELURUHAN BUTIRAN YANG TERKANDUNG DI DALAM DOKUMEN SEBUT  
HARGA INI SEBELUM MENYEMPURNAKANNYA. PENYEBUT HARGA YANG  
MEMBUAT KESILAPAN DAN TIDAK MEMATUHI MANA-MANA PERUNTUKAN DI  
DALAM DOKUMEN SEBUT HARGA INI TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN.**



**PEJABAT TANAH DAN GALIAN  
NEGERI PULAU PINANG  
TINGKAT 22, KOMTAR,  
10000 PULAU PINANG.**

---

**KENYATAAN TAWARAN**

Tawaran adalah dipelawa kepada Syarikat-syarikat Tempatan di Pulau Pinang yang berdaftar dengan Sistem Perolehan Negeri Pulau Pinang dan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang yang berkaitan dan masih sah tempohnya serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi perkhidmatan berikut :-

No. Sebut Harga : **PTG PP/(S)/PENT/137**  
Tajuk Sebut Harga : **PERKHIDMATAN PENYEWAAN DAN PENYENGGARAAN  
MESIN PENYALIN DIGITAL KEPADA PEJABAT TANAH  
DAN GALIAN NEGERI PULAU PINANG BAGI TEMPOH  
36 BULAN MULAI 01 APRIL 2021 SEHINGGA 31 MAC  
2024**

Syarat Pendaftaran : **Kod Bidang 221502  
– Mesin Dan Peralatan Pejabat**

Tarikh Buka : **03 MAC 2021 (RABU)**  
Tarikh Tutup : **10 MAC 2021 (RABU)**

2. Dokumen Sebut Harga hanya boleh didapati dengan **memuat turun** dari laman **portal rasmi Sistem Perolehan Negeri Pulau Pinang** iaitu **ep.penang.gov.my** sepanjang tempoh iklan sebut harga.

3. Dokumen Sokongan Tawaran Sebutharga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri dan ditulis di sebelah kiri sampul Tajuk Sebut Harga, No. Sebut Harga dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di alamat seperti berikut :-

**PEJABAT TANAH DAN GALIAN NEGERI PULAU PINANG  
UNIT KHIDMAT PENGURUSAN  
TINGKAT 22, KOMTAR,  
10000 PULAU PINANG**

4. Tarikh tutup tidak lewat dari **jam 12.00 tengah hari pada tarikh 10 Mac 2021 (Rabu)**. Sebut Harga yang lewat diterima dari tarikh dan masa ditetapkan **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN**. Bukti Penghantaran Tidak Dianggap Sebagai Bukti Penerimaan dan semua kos berkaitan dengan Tawaran Sebutharga di atas adalah menjadi tanggungjawab Penyebut Harga.

5. Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Pulau Pinang tidak terikat untuk menerima tawaran terendah, tertinggi atau mana-mana tawaran. Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Pulau Pinang berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut. Sebarang pertanyaan berkenaan sebut harga boleh hubungi **Puan Junaidah binti Jamil Tel : 04-6505210** atau **Puan Nor Lizawati binti Desa Tel : 04-6505656**.

6. Setiap tawaran harga adalah sah bagi tempoh **90 hari** dari tarikh peti sebut harga ditutup.

Pengarah  
Pejabat Tanah Dan Galian  
Negeri Pulau Pinang

**SENARAI SEMAKAN**  
**(BEKALAN / PERKHIDMATAN / KERJA)**

Sila tandakan ✓ bagi Dokumen-dokumen Yang Disertakan.

Bil.	Perkara/Dokumen	Untuk ditanda oleh Syarikat	Untuk ditanda oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga
1.	Salinan Sijil Akaun Pendaftaran Dari Kementerian Kewangan	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2.	Salinan Lesen Kementerian Dalam Negeri	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3.	Salinan Sijil Pendaftaran Syarikat Dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
4.	Borang Sebut Harga (Lampiran Q) Telah Diisi Dengan Lengkap (termasuk nilai tawaran dan tempoh siap) dan Ditandatangani	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
5.	Borang Maklumat Penyebut Harga	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
6.	Pematuhan Kepada Spesifikasi	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
7.	Borang Senarai Perkhidmatan Yang Sedang dan Telah Dilaksanakan	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
8.	Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank Bagi Tiga (3) Bulan Terakhir	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
9.	Surat Akaun Pembida Berjaya	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

<b>PENGESAHAN OLEH SYARIKAT</b>	<b>UNTUK KEGUNAAN JABATAN</b>
<p>Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebut harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.</p> <p>Tandatangan :  Nama :  Jawatan :  Tarikh :</p>	<p>Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil. .... (jika ada).</p> <p>Tandatangan :  Nama :  Jawatan :  Tarikh :</p> <p>Tandatangan :  Nama :  Jawatan :  Tarikh :</p> <p>Tandatangan :  Nama :  Jawatan :  Tarikh :</p>

## ARAHAN KEPADA PENYEBUTHARGA

### 1. PERIHAL SEBUTHARGA

Penyebutharga adalah dipelawa bagi **Perkhidmatan Penyewaan Dan Penyelenggaraan Mesin Penyalin Digital Kepada Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Pulau Pinang Bagi Tempoh 36 Bulan Mulai 01 April 2021 Sehingga 31 Mac 2024**. Sebutharga ini adalah tertakluk kepada Arahan-arahan, Syarat-Syarat Am dan Syarat-Syarat Khas Sebutharga.

### 2. HAK KERAJAAN UNTUK MENERIMA/MENOLAK SEBUTHARGA

Kerajaan adalah tidak terikat untuk menerima sebutharga yang terendah/ tertinggi atau mana-mana sebutharga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebutharga. Keputusan Jawatankuasa Sebutharga adalah muktamad. **Kerajaan boleh menerima tawaran harga secara keseluruhan bilangan item atau sebahagian bilangan item yang ditawarkan oleh Penyebutharga.**

### 3. DOKUMEN SEBUTHARGA

3.1 Sebutharga hendaklah dibuat di atas borang-borang yang telah disediakan dan selepas ini dipanggil sebagai Dokumen Sebutharga. Dokumen Sebutharga yang lengkap adalah mengandungi perkara-perkara berikut :-

BIL.	BUTIRAN	LAMPIRAN	MUKA SURAT
1.	Kenyataan Tawaran Sebutharga	-	1-3
2.	Senarai Semak	-	4-6
3.	Arahan Kepada Penyebutharga	-	7-13
4.	Syarat-Syarat Am Sebutharga	Lampiran A	14-20
5.	Spesifikasi dan Syarat-Syarat Khas Sebutharga	Lampiran B	21-24
6.	Keterangan Mengenai Penyebutharga	Lampiran C	25-27

7.	Kedudukan Kewangan Penyebutharga	Lampiran D	28
8.	Surat Akuan Penyebutharga	Lampiran E	29-30
9.	Jadual Harga Sebutharga	Lampiran F	31-36
10.	Borang Asas Perkiraan Harga	Lampiran G	37-39
11.	Senarai Perkhidmatan Yang Sedang dan Telah Dilaksanakan	Lampiran H	40
12.	Surat Akuan Pembida (SPP 10 Tahun 2010 bertarikh 16 Disember 2010)	Lampiran I	41
13.	Surat Akuan Pembida Berjaya (SPP 10 Tahun 2010 bertarikh 16 Disember 2010)	Lampiran J	42

3.2 Pengambilan dokumen sebut harga hanya boleh diperolehi dengan memuat turun melalui laman **portal rasmi Sistem Perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang** iaitu **ep.penang.gov.my** sepanjang tempoh iklan sebut harga.

#### 4. CARA-CARA MENGISI BORANG SEBUTHARGA

4.1 Penyebutharga hendaklah membaca arahan-arahan dan syarat-syarat dalam dokumen sebutharga serta menyemak kandungan Dokumen Sebutharga dengan teliti sebelum mengisi borang-borang sebutharga. Setiap syarikat yang menyertai hanya boleh mengemukakan satu Dokumen Sebutharga dengan satu tawaran harga sahaja. Sekiranya terdapat lebih daripada satu Dokumen Sebutharga dikemukakan maka hanya dokumen yang terawal dibuka oleh Jawatankuasa Pembuka Peti Sebutharga diterima untuk penilaian selanjutnya. Penyebutharga diminta mengemukakan hanya satu tawaran harga sahaja.

4.2 Borang sebutharga hendaklah diisi dengan lengkap dan jelas mengikut ruangan-ruangan yang disediakan. Borang-borang tersebut hendaklah seboleh-bolehnya ditaip. Jika ditulis tangan, tulisan hendaklah jelas dan mudah serta boleh dibaca.



4.3 Setiap pembetulan atau pindaan yang dibuat hendaklah ditandatangani ringkas dan dicop dengan cop rasmi syarikat setentang dengan pembetulan atau pindaan tersebut.

#### 4.4 Borang-Borang Yang Perlu Diisi

##### 4.4.1 Borang Keterangan Mengenai Penyebutharga

- i. Nama Penyebutharga : Nama Syarikat seperti yang didaftarkan dengan Kementerian Kewangan.
- ii. Alamat Perniagaan :Alamat yang sebenar di mana penyebutharga boleh dihubungi melalui surat. Penyebutharga hendaklah memaklumkan jika berlaku sebarang pertukaran alamat.
- iii. No. Telefon : Rujukan nombor telefon Pengurusan/ Pengarah Syarikat.
- iv. Modal Syarikat : Jika bukan status Sdn. Bhd. atau Berhad, nyatakan modal terkumpul iaitu daripada punca-punca seperti wang simpanan, saham dan pinjaman bank.
- v. Pengalaman : Penyebutharga hendaklah mengisi borang **Lampiran H** menyatakan pengalaman dalam bidang perkhidmatan berkaitan percetakan (jika ada). Kegagalan menyatakan pengalaman dalam bidang tersebut akan memberikan kesan kepada penilaian yang disediakan oleh Urus Setia.

##### 4.4.2 Surat Akuan Penyebutharga (**Lampiran E**)

Penyebutharga adalah dikehendaki mengisi dan menandatangani borang ini. Sekiranya borang ini tidak diisi dan ditandatangani tawaran Penyebutharga menjadi tidak sah/laku dan dengan sendirinya tertolak.

##### 4.4.3 Jadual Harga Sebutharga (**Lampiran F**)

- 4.4.3.1 Borang ini perlu ditandatangani dan dicop oleh pemilik syarikat sebagai Penyebutharga. Borang yang tidak bertandatangan dan bercop adalah tidak sah/ laku dan akan ditolak. Tawaran harga oleh penyebutharga hendaklah dikemukakan TANPA kenaan Cukai Jualan Dan Perkhidmatan (SST).

## 5. PEMBETULAN DAN PINDAAN KESILAPAN

Semua pembetulan/ pindaan ke atas kesilapan-kesilapan yang dibuat terutamanya dalam Jadual Harga dan Surat Akuan Penyebutharga hendaklah ditandatangani ringkas oleh orang yang menandatangani Dokumen Sebutharga serta dicopkan sebagai cop Penyebutharga (syarikat). Tandatangan ringkas ini hendaklah dibuat setentang dengan kesilapan yang dibetulkan/ dipinda. Pembetulan/ pindaan hendaklah dibuat dengan jelas supaya mudah dibaca.

## 6. PENGHANTARAN DOKUMEN SEBUTHARGA

- 6.1 Penyebutharga dikehendaki mengembalikan Dokumen Sebutharga yang telah diisi dengan lengkap dan ditandatangani oleh pemilik syarikat. Dokumen sebutharga yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan ditanda pada bahagian atas sampul surat itu dengan butir-butir berikut :-

Kod Sebutharga : PTG PP/(S)/PENT/137

Tajuk Sebutharga : Perkhidmatan Penyewaan Dan Penyenggaraan Mesin Penyalin Digital Kepada Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Pulau Pinang

Alamat : Pengarah  
Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Pulau Pinang  
Tingkat 22, KOMTAR  
**10000 PULAU PINANG**

- 6.2 Sebutharga yang dihantar dengan tangan hendaklah dimasukkan sendiri oleh penyebutharga ke dalam peti sebutharga yang disediakan di **Tingkat 22, Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Pulau Pinang sebelum atau pada 10 Mac 2021 (Rabu), jam 12 tengah hari**. Sebutharga yang lewat tidak akan diterima.
- 6.3 Sampel barangan (Jika Berkaitan) yang dikemukakan mestilah dilabelkan nama syarikat masing-masing dan diserahkan di dalam satu kotak yang bertutup berlakri serta ditandakan No. Sebutharga di sebelah kanan atas

kotak tersebut secara berasingan. Semua sampel yang diserahkan tidak akan dipulangkan dan ianya menjadi hakmilik Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Pulau Pinang (PTGPP).

- 6.4 Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Pulau Pinang tidak akan bertanggungjawab di atas kehilangan Dokumen-Dokumen Sebutharga yang dihantar :-
  - 6.4.1 Hantar Sendiri Dengan Tangan  
Memasukkan Dokumen Sebutharga dalam peti sebutharga yang salah.
  - 6.4.2 Melalui Pos / Agen Penghantaran  
Hilang semasa dalam perjalanan pos atau penghantaran.
- 6.5 Penyebutharga perlu menanggung sendiri kesemua kos yang terlibat berhubung dengan sebutharga yang disertainya.
- 6.6 Penyebutharga adalah bertanggungjawab bagi segala prestasi dan jaminan ke atas bekalan yang dibekalkan berdasarkan pengakuan pihak ketiga yang telah dimasukkan ke dalam sebutharga.

## **7. PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH**

- 7.1 Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada, mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 7.2 Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 7.3 Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan kontraktor atau pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

- 7.4 Mana-mana kontraktor atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan di bekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

## **8. KAEDAH PELAKSANAAN *INTEGRITY PACT* DALAM PEROLEHAN KERAJAAN MELALUI SISTEM PEROLEHAN KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG**

- 8.1 Kesemua penyebutharga yang menghantar Dokumen Sebutharga hendaklah menandatangani Surat Akuan Pembida bahawa ia tidak akan menawar atau memberi rasuah sebagai sogokan untuk mendapatkan kontrak. PTJ hendaklah memastikan Surat Akuan Pembida juga dijadikan sebagai dokumen wajib yang perlu disertakan bersama dokumen tawaran penyebut harga adalah seperti di Lampiran I. Surat Akuan Pembida dan Surat Perwakilan Kuasa adalah dokumen wajib yang perlu disertakan bersama dokumen tawaran penyebut harga.
- 8.2 Penyebutharga yang berjaya menandatangani Surat Akuan Pembida Berjaya bahawa ia tidak akan memberi rasuah sebagai ganjaran kerana mendapatkan kontrak. Format Surat Akuan Pembida Berjaya adalah seperti di Lampiran L. PTJ hendaklah memastikan Surat Akuan Pembida Berjaya juga dijadikan sebagai dokumen wajib yang perlu disertakan bersama Surat Setuju Terima/Pesanan Tempatan.

## **9. TEMPOH SAH SEBUTHARGA**

Sebutharga ini sah laku dalam jangka masa sekurang-kurangnya **90 hari** daripada tarikh tutup sebutharga. Penyebutharga tidak boleh menarik balik sebutharganya sebelum tamat tempoh sah sebutharga. Tindakan akan diambil sekiranya penyebutharga menarik balik sebutharganya sebelum tempoh sah sebutharga.

Pengarah  
Pejabat Tanah Dan Galian  
Negeri Pulau Pinang

## SYARAT-SYARAT AM SEBUTHARGA

Penyebutharga dikehendaki mematuhi sepenuhnya Syarat-syarat Am Sebutharga apabila menyertai sebutharga ini. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat di bawah ini membolehkan sebutharga yang dikemukakan oleh Penyebutharga akan **DITOLAK**.

### 1. KELAYAKAN MEMASUKI SEBUTHARGA

- 1.1 Syarikat-syarikat yang hendak menyertai Sebutharga Perkhidmatan Penyewaan Dan Penyenggaraan Mesin Penyalin Digital Kepada Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Pulau Pinang Bagi Tempoh 24 Bulan Mulai 01 April 2021 Sehingga 31 Mac 2023 hendaklah terlebih dahulu berdaftar dengan Kementerian Kewangan di bawah kod bidang yang berkaitan seperti mana yang diiklankan. Salinan Sijil Pendaftaran Syarikat dan Salinan Sijil Pendaftaran Taraf Kementerian Kewangan hendaklah disertakan bersama-sama dengan tawaran.
- 1.2 Pelawaan ini adalah terikat kepada Arahan Kepada Penyebutharga, Syarat-Syarat Am Sebutharga dan Syarat-Syarat Khas Sebutharga yang disertakan bersama-sama Dokumen Sebutharga.
- 1.3 Penyebutharga hendaklah mematuhi sepenuhnya syarat-syarat tersebut apabila menyertai sebutharga ini. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat akan **menyebabkan sebutharga tidak dipertimbangkan dan terus ditolak**.
- 1.4 Semua borang-borang berhubung dengan sebutharga hendaklah ditandatangani oleh pemilik syarikat sendiri. Mana-mana borang yang tidak bertandatangan dan tiada cop rasmi Penyebutharga akan **ditolak daripada pertimbangan**.

### 2. DOKUMEN SEBUTHARGA

- 2.1 Setiap syarikat hanya dibenarkan membuat satu tawaran harga sebutharga sahaja. Penetapan tawaran harga sebutharga dalam bentuk opsyen/pilihan tidak dibenarkan. Lain-lain borang tidak diterima kecuali dibenarkan sebagai tambahan kepada borang yang asal.
- 2.2 **PERHATIAN** : Tiap-tiap helai borang sebutharga yang digunakan (termasuk borang tambahan) mestilah disusun mengikut turutan nombor muka surat.

- 2.3 Borang Jadual Harga hendaklah diisi dengan lengkap dan terang. Jika ditulis tangan, tulisan hendaklah jelas dan boleh dibaca.
- 2.4 Sebarang pindaan yang dibuat ke atas mana-mana ruangan mestilah dipotong dan ditandatangani ringkas serta dicopkan dengan cop Penyebutharga setentang dengan apa-apa perubahan yang dibuat.

### 3. HARGA TAWARAN

- 3.1 Harga-harga yang ditawarkan dalam sebutharga ini adalah tetap dan tidak boleh dipinda selepas sebutharga ini ditutup dan akan berkuatkuasa selama dalam tempoh sah laku sebutharga. Penyebutharga yang berjaya ditawarkan sebutharga ini dikehendaki mematuhi syarat ditetapkan sepanjang masa kontrak ini berjalan dan tidak boleh dibuat sebarang perubahan harga.
- 3.2 PTGPP berhak menyemak semula jumlah kiraan harga tawaran berdasarkan perincian kadar harga yang ditawarkan oleh Penyebutharga. Sekiranya terdapat apa-apa perbezaan kepada jumlah harga yang ditawarkan dengan maklumat semakan semula oleh PTGPP, jumlah harga yang ditawarkan yang disemak melalui kiraan semula oleh PTGPP akan diguna pakai untuk tujuan sebutharga ini.
- 3.3 Tawaran harga oleh penyebutharga hendaklah dikemukakan TANPA kenaaan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST).

### 4. SPESIFIKASI

- 4.1 Penyebutharga adalah dinasihatkan membaca dengan teliti spesifikasi yang perlu dibekalkan bagi melaksanakan perkhidmatan berkaitan dalam **Lampiran B** supaya tidak timbul masalah kesilapan dalam meletakkan harga.

### 5. PELAKSANAAN CUKAI JUALAN DAN PERKHIDMATAN (SST)

- 5.1 **Semua tawaran harga** oleh syarikat hendaklah **dikemukakan tanpa kenaaan SST.**

- 5.2 Syarikat hendaklah **mengisytiharkan status pendaftaran dan mengemukakan salinan Surat Pendaftaran Pelaksanaan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST)** kepada Jabatan ini.
- 5.3 Sekiranya syarikat yang berjaya adalah berdaftar SST dengan Jabatan Kastam DiRaja Malaysia (JKDM), Jabatan akan mengeluarkan Surat Setuju Terima kepada syarikat dengan tawaran harga termasuk kenaaan SST.
- 5.4 Bagi syarikat yang mengisytiharkan tidak dikenakan cukai di bawah Akta SST, namun akan menjadi syarikat yang berdaftar dengan SST setelah ditawarkan perolehan tersebut, maka syarikat hendaklah memaklumkan segera kepada Jabatan ini perubahan status pendaftaran syarikat tersebut di bawah Akta SST.

## **6. TIDAK MENJALANKAN TUGAS**

### **6.1 Perkhidmatan Tidak Mengikuti Spesifikasi**

- 6.1.1 Sekiranya Penyebutharga gagal untuk melaksanakan tugas-tugas dan tanggungjawabnya seperti di dalam Perjanjian, PTGPP berhak menahan atau menangguhkan bayaran-bayaran seperti dinyatakan di dalam Perjanjian, kecuali dan sehingga PTGPP berpuas hati bahawa Penyebutharga telah menyempurnakan tugas dan tanggungjawabnya seperti mana yang dikehendaki.
- 6.1.2 PTGPP juga berhak menolak atau mengurangkan apa-apa pembayaran kepada Penyebutharga sekiranya perkhidmatan yang diberi tidak memuaskan atau tidak memenuhi skop/ spesifikasi kerja perkhidmatan atau dibatalkan oleh PTGPP.
- 6.1.3 PTGPP berhak untuk membatalkan kontrak sedia ada jika berlaku kegagalan dalam pematuhan syarat sebutharga yang disebabkan oleh Kontraktor sendiri.
- 6.1.4 Bagi maksud ini, Penyebutharga akan dianggap telah gagal dan perlu menanggung kos yang difikirkan sesuai seperti berikut :-
- (a) Tiada Pelaksanaan atau Pelaksanaan tidak lengkap seperti yang ditetapkan dikenakan denda seperti berikut :-
    - (i) Kadar denda yang akan dikenakan adalah sebanyak **0.15%** untuk sehari lewat mulai dari hari yang ke tiga

puluh satu (31) tarikh Pesanan Kerajaan dikeluarkan kepada kontraktor;

- (ii) Denda maksima sebanyak 15% sekiranya tempoh perkhidmatan cetak bil cukai tanah dan bil cukai petak melebihi 90 hari daripada tarikh akhir bekal;
- (iii) Denda yang akan dikenakan akan ditolak terus daripada nilai Bayaran Perkhidmatan/Bekalan yang akan diterima oleh Kontraktor; dan
- (iv) Kiraan denda hanya akan ditamatkan selepas Kontraktor selesai menghantar sepenuhnya cetakan bil cukai tanah dan bil cukai petak. Sekiranya Kontraktor hanya menghantar sebahagian bil-bil tersebut atau belum menyelesaikan bil-bil tersebut, denda masih akan dikira sehingga bil-bil tersebut disempurnakan sepenuhnya.

## **7. MENARIK BALIK TAWARAN/ MENOLAK TAWARAN**

7.1 Penyebutharga tidak boleh menarik balik tawaran sebelum sebutharga tersebut dipertimbangkan atau menolak tawaran setelah sebutharga tersebut dipertimbangkan atau tawaran telah dibuat. Jika penyebutharga menarik diri atau menolak tawaran, nama penyebutharga akan dikemukakan kepada pihak berkuasa untuk tindakan penggantungan pendaftaran seperti berikut :-

7.1.1 Dua (2) tahun bagi kesalahan pertama;

7.1.2 Lima (5) tahun bagi kesalahan kali kedua; dan

7.1.3 Pendaftaran akan dibatalkan terus bagi kesalahan berikutnya.

## **8. TEMPOH SAHLAKU SEBUTHARGA**

Tempoh sahlaku Sebutharga ini adalah selama **90 hari** daripada tarikh tutup sebutharga.



## **9. SETUJU TERIMA SEBUTHARGA**

9.1 Kerajaan tidak terikat untuk menerima sebutharga yang terendah, tertinggi atau mana-mana sebutharga. Keputusan adalah muktamad dan Kerajaan tidak akan melayan sebarang surat menyurat yang berupa rayuan daripada Penyebutharga berhubung sebab-sebab sebutharga mereka tidak berjaya.

9.2 Penyebutharga yang Berjaya dikehendaki :-

9.2.1 Tidak boleh menolak tawaran. Jika menolak, maka nama Penyebutharga akan dikemukakan kepada Kementerian Kewangan Malaysia untuk tindakan digantung pendaftaran.

## **10. PERUBAHAN SYARAT-SYARAT**

10.1 Sekiranya sesuatu perubahan itu menyebabkan perubahan perbelanjaan bagi perkhidmatan satu tempoh biasa, maka harga perkhidmatan baru dengan perubahan itu hendaklah dibuat dengan persetujuan kedua-dua pihak secara bertulis.

## **11. PENAMATAN PERSETUJUAN**

11.1 Dengan memberi notis bertulis kepada Penyebutharga dan dengan tiada apa-apa tindakan selanjutnya Kerajaan boleh terus menamatkan persetujuan :

11.1.1 Jika Penyebutharga melakukan pelanggaran terhadap mana-mana syarat yang terdapat dalam persetujuan ini;

11.1.2 Jika Penyebutharga (Kontraktor) itu sebagai orang perseorangan atau apabila Kontraktor itu adalah satu firma, mana-mana perkongsi firma itu pada bila-bila masa menjadi bankrap, atau suatu perintah terhadapnya atau perintah pentadbiran dibuat terhadapnya atau membuat suatu penyelesaian atau perkiraan dengan/atau bagi faedah siputang-siputang, atau jika Kontraktor itu adalah syarikat, meluluskan suatu perintah bahawa syarikat itu digantung (bukan suatu penggulangan ahli bagi maksud penyusunan atau penyatuan) atau pengurusan bagi pihak seseorang siputang dilantik atau jika timbul keadaan-keadaan yang memberi hak kepada mahkamah membuat sesuatu perintah penggulangan; atau

11.1.3 Jika Kerajaan mempunyai sebab bagi mempercayai bahawa Penyebutharga atau sesiapa yang diambil bekerja atau bertindak

bagi pihaknya (sama ada dengan atau di luar pengetahuan Penyebutharga) melakukan perbuatan rasuah. Dengan sentiasa bersyarat bahawa penamatan Persetujuan ini tidak menyentuh hak-hak Kerajaan untuk mendapatkan balik ganti rosak.

## 12. PERTIKAIAN

Apa-apa pertikaian yang terbit di antara Kerajaan dengan Kontraktor mengenai pentafsiran, pengertian atau kuatkuasa persetujuan, atau hak dan tanggungan pihak-pihak di dalamnya atau apa-apa perkara yang terbit daripadanya atau yang berhubung dengannya hendaklah (kecuali selainnya dipersetujui dengan ketentuan secara bertulis di antara Kerajaan dengan Kontraktor) dirujuk kepada penimbang tara dua pihak yang dilantik iaitu lantikan oleh Kerajaan dan lantikan oleh Kontraktor. Tiap-tiap seorang yang dilantik itu hendaklah bebas daripada pihak-pihak yang membuat persetujuan ini.

## 13. IKLAN

Tiada maklumat mengenai sebutharga ini boleh disiarkan di dalam sebarang akhbar, majalah atau media pengiklanan yang terkini melainkan jika pengiklanan itu telah diluluskan oleh Kerajaan terlebih dahulu.

## 14. CONTOH KONTRAK PERJANJIAN BAGI SEWAAN 36 BULAN

**PERJANJIAN** ini dibuat pada            hari bulan            Tahun 2021

### **ANTARA**

**KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG** yang bagi tujuan Perjanjian ini diwakili oleh **Pejabat Tanah dan Galian Pulau Pinang** yang beralamat di **Paras 22, Kompleks Tun Abdul Razak (KOMTAR), 10000 Georgetown, Pulau Pinang.** (kemudian daripada ini disebut sebagai "**Kerajaan**") di satu pihak;

### **DENGAN**

**(SYARIKAT YANG BERJAYA)** sebuah syarikat yang didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*] dan mempunyai alamat berdaftar di (kemudian daripada ini disebut sebagai "**Kontraktor**") di pihak yang satu lagi,

(Kedua-dua Kerajaan dan Kontraktor boleh dirujuk secara berasingan sebagai "Pihak" atau bersesama sebagai "Pihak-Pihak").

## BAHAWASANYA

- A. Kerajaan berhasrat untuk melantik Kontraktor bagi maksud penyewaan peralatan mesin penyalin sebagaimana diperihalkan dalam **Lampiran 1** (kemudian daripada ini disebut "**Peralatan**") dan menyediakan Khidmat Penyenggaraan. Dalam hal ini, Kontraktor telah bersetuju untuk menyewakan Peralatan kepada Kerajaan dan menyediakan Khidmat Penyenggaraan.
- B. Selaras dengan itu, Pihak-Pihak bersetuju untuk memasuki Perjanjian ini tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang diperuntukkan selepas ini.

## MAKA DENGAN INI ADALAH DIPERSETUJUI SEPERTI BERIKUT:

### 1. TAKRIF

Dalam Perjanjian ini melainkan jika konteksnya mengkehendaki makna yang lain, istilah-istilah di bawah ini akan membawa erti berikut :

**"Khidmat  
Penyenggaraan"**

bermaksud kerja-kerja penyenggaraan, pembaikan dan penggantian mana-mana bahagian atau alat ganti yang rosak agar Peralatan tersebut dapat beroperasi dengan baik dan memuaskan hati Kerajaan tanpa mengenakan sebarang caj tambahan kepada Kerajaan dan membekalkan peralatan guna habis (*consumables*) seperti *toner, drum, roller*, pencuci, bahan kimia dan bahan-bahan lain yang dibekalkan oleh Kontraktor;

**"Kontraktor"**

bermaksud Nama Syarikat (No. Syarikat :) yang mempunyai alamat berdaftar di dan termasuklah ejen, wasi, pentadbir, pengganti dan penerima pindah milik syarikat tersebut;

**"Peralatan"**

bermaksud mesin penyalin seperti diperihalkan dalam **Lampiran 1**; Perjanjian ini dan hendaklah termasuk semua penggantian, pembaharuan atau penambahan yang dibuat dari semasa ke semasa terhadap mesin penyalin tersebut atau mana-mana bahagian daripadanya serta sebarang aksesori yang ditambahkan kepada mesin penyalin tersebut;

**"Penghantaran"**

ertinya penghantaran Peralatan oleh Kontraktor ke Premis;

<b>“Premis”</b>	bermaksud tempat di mana peralatan ditempatkan dan dipasangkan iaitu Pejabat Operasi yang beralamat di Pejabat Tanah dan Galian, Negeri Pulau Pinang seperti yang diperincikan di Lampiran 2;
<b>“Sewa”</b>	bermaksud bayaran bulanan yang mesti dibayar oleh Kerajaan kepada Kontraktor dalam tempoh penyewaan seperti yang diperuntukan;
<b>“Tempoh Penyewaan”</b>	bermaksud tempoh yang dinyatakan dalam Fasal 4; dan
<b>“Waktu Perniagaan Biasa”</b>	bermaksud waktu pejabat Kerajaan iaitu: <ul style="list-style-type: none"> <li>a. mulai 7.30 pagi hingga 5.30 petang pada hari Isnin – Jumaat; dan</li> <li>b. tidak termasuk hari cuti umum dan cuti am.</li> </ul>

## 2. SKOP PERJANJIAN

Kontraktor bersetuju menyediakan perkhidmatan penyewaan Peralatan dan Khidmat Penyenggaraan mengikut spesifikasi Peralatan yang dinyatakan dalam **LAMPIRAN 1** dan Kerajaan bersetuju menerima penyewaan Peralatan dan Khidmat Penyenggaraan tersebut tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung dalam Perjanjian ini.

## 3. SPESIFIKASI PERALATAN

3.1 Spesifikasi Peralatan adalah seperti diperihalkan di **LAMPIRAN 1**.

3.2 Mana-mana perubahan atau pindaan ke atas spesifikasi Peralatan hendaklah dibuat di atas persetujuan bersama antara Pihak-Pihak.

## 4. TEMPOH PENYEWAAN

4.1 Perjanjian ini hendaklah berkuat kuasa selama dua belas (36) bulan mulai 1 April 2021 sehingga 31 Mac 2024.

4.2 Pihak-Pihak boleh memohon untuk melanjutkan Tempoh Penyewaan dengan mengemukakan permohonan secara bertulis selewat-lewatnya tiga puluh (30) hari sebelum tamat Tempoh Penyewaan ini seperti yang diperuntukkan dalam Fasal 4.1 tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang dipersetujui oleh Pihak-Pihak.

## 5. NILAI SEWAAN DAN BAYARAN

- 5.1 Kerajaan hendaklah sepanjang Tempoh Penyewaan membayar kepada Kontraktor seperti berikut:

### Mesin Penyalin Berwarna (Jenis 1)

bayaran Sewa sebanyak **Ringgit Malaysia Ribu Sahaja (RM00,000.00)** sahaja iaitu berdasarkan pengiraan sewa Peralatan sebanyak RM00.00 sebulan X 1 unit x 36 bulan; dan

- a. bayaran caj sesalinan mengikut bacaan meter pada Peralatan pada kadar **RM 0.000** sesalinan hitam/putih dan kadar **RM 0.00** sesalinan berwarna setiap bulan tertakluk kepada pulangan rebat kepada Kerajaan sebanyak tiga peratus (**3%**) setiap bulan sepanjang tempoh Penyewaan di mana Kerajaan hendaklah menolak jumlah pulangan rebat tersebut daripada jumlah keseluruhan caj sesalinan yang digunakan yang perlu dibayar kepada Kontraktor.

### Mesin Penyalin Berwarna (Jenis 2)

bayaran Sewa sebanyak **Ringgit Malaysia Ribu Sahaja (RM00,000.00)** sahaja iaitu berdasarkan pengiraan sewa Peralatan sebanyak RM00.00 sebulan X 1 unit x 36 bulan; dan

- a. bayaran caj sesalinan mengikut bacaan meter pada Peralatan pada kadar **RM 0.000** sesalinan hitam/putih dan kadar **RM 0.00** sesalinan berwarna setiap bulan tertakluk kepada pulangan rebat kepada Kerajaan sebanyak tiga peratus (**3%**) setiap bulan sepanjang tempoh Penyewaan di mana Kerajaan hendaklah menolak jumlah pulangan rebat tersebut daripada jumlah keseluruhan caj sesalinan yang digunakan yang perlu dibayar kepada Kontraktor.

### Mesin Penyalin Berwarna (Jenis 3)

bayaran Sewa sebanyak **Ringgit Malaysia Ribu Sahaja (RM00,000.00)** sahaja iaitu berdasarkan pengiraan sewa Peralatan sebanyak RM00.00 sebulan X 1 unit x 36 bulan; dan

- a. bayaran caj sesalinan mengikut bacaan meter pada Peralatan pada kadar **RM 0.000** sesalinan hitam/putih setiap bulan tertakluk kepada pulangan rebat kepada Kerajaan sebanyak tiga peratus (**3%**) setiap bulan sepanjang tempoh Penyewaan di mana Kerajaan hendaklah menolak jumlah pulangan rebat tersebut daripada jumlah keseluruhan caj

sesalinan yang digunakan yang perlu dibayar kepada Kontraktor.

- 5.2 Tertakluk kepada penerimaan oleh Kerajaan dua (2) salinan invoice bulanan yang lengkap daripada Kontraktor bagi setiap pembayaran, bayaran sewa seperti di Fasal 5.1 hendaklah dibuat dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas penerimaan invoice bulanan tersebut oleh Kerajaan.
- 5.3 Caj sesalinan tidak akan dikenakan bagi salinan-salinan yang rosak berpunca dari kerosakan Peralatan yang bukan disebabkan oleh kecuaiian, kelalaian atau tindakan sengaja Kerajaan atau kakitangannya. Kerajaan hendaklah menyimpan salinan-salinan yang rosak dalam tempoh satu (1) bulan bagi tujuan penyemakan oleh Kontraktor, sekiranya dikehendaki. Kontraktor hendaklah merekodkan jumlah salinan yang rosak ke dalam buku log Khidmat Penyelenggaraan dan membuat tolakan kepada bayaran seperti dinyatakan dalam Fasal 5.1 (b) dan 5.1 (d).
- 5.4 Kontraktor hendaklah mengemukakan salinan invoice yang mengambil kira pulangan rebat kepada Kerajaan seperti dalam Fasal 5.1 (b) dan 5.1 (d) dan salinan yang rosak dalam Fasal 5.3 bagi setiap pembayaran kepada:
- Pejabat Tanah dan Galian Pulau Pinang  
Paras 22, Kompleks Tun Abdul Razak (KOMTAR)  
10000 Georgetown, Pulau Pinang**
- 5.5 Sebarang isu yang timbul antara Kontraktor dengan mana-mana pihak ketiga berhubung dengan Peralatan, Khidmat Penyelenggaraan dan Sewa dalam Perjanjian ini adalah di luar tanggungjawab Kerajaan.

## **6. REPRESENTASI DAN WARANTI**

Kontraktor dengan ini membuat representasi dan waranti kepada Kerajaan bahawa :

- (a) ia adalah sebuah syarikat yang berdaftar di bawah undang-undang Malaysia;
- (b) ia adalah kuasa untuk memasuki dan melaksanakan tanggungjawab serta urusan di bawah Perjanjian ini;
- (c) ia telah mengambil segala langkah yang perlu bagi memasuki dan melaksanakan tanggungjawab serta urusan di bawah Perjanjian ini;
- (d) pada pelaksanaan Perjanjian ini, pelaksanaan Perjanjian ini tidak menyalahi sebarang peruntukan sama ada dalam:

- i. Memorandum dan Artikel Persatuannya; atau
  - ii. mana-mana dokumen atau perjanjian yang mengikatnya atau asetnya;
- (e) ia adalah sebuah syarikat yang berdaftar pada setiap masa dengan Kementerian Kewangan melainkan diberikan pengecualian secara bertulis oleh Kerajaan; dan
- (f) tiada sebarang litigasi, tuntutan cukai, timbang tara, pertikaian atau prosiding yang sedang atau akan berlangsung yang pada pengetahuannya akan memberi kesan negatif terhadap kewangan atau tnggungjawabnya di bawah Perjanjian ini,

dan Kontraktor mengambil maklum bahawa Kerajaan telah memasuki Perjanjian ini berdasarkan representasi dan waranti di atas.

## **7. PENGHANTARAN PERALATAN, TEMPAT PEMASANGAN DAN PEMERIKSAAN PERALATAN**

- 7.1 Kontraktor hendaklah menghantar Peralatan ke Premis pada atau sebelum tarikh penghantaran perlu dibuat. Kontraktor juga hendaklah menghantar dan memasang Peralatan tersebut sehingga ianya dalam keadaan boleh digunakan dan beroperasi dengan baik.
- 7.2 Kontraktor hendaklah memaklumkan kepada Kerajaan mengenai penghantaran peralatan sekurang-kurangnya dua (2) hari bekerja sebelum Peralatan dihantar ke Premis bagi tujuan menyediakan tempat pemasangan dan segala kos penyediaan tempat pemasangan hendaklah ditanggung oleh Kerajaan.
- 7.3 Jika berlaku kelewatan dalam menyediakan tempat pemasangan Peralatan di Premis, Kerajaan hendaklah memaklumkan kepada Kontraktor terlebih dahulu supaya tarikh dan masa penghantaran Peralatan boleh ditetapkan kepada masa yang lebih sesuai.
- 7.4 Kerajaan hendaklah memaklumkan kepada Kontraktor jika berlaku sebarang perubahan tempat Peralatan diletakkan. Kontraktor hendaklah menanggung segala kos pemasangan dan penghantaran Peralatan termasuk apa-apa kerosakan atau kecacatan sekiranya berlaku di tempat di mana Peralatan ditempatkan.
- 7.5 Kontraktor akan menanggung segala kos pemasangan dan Penghantaran Peralatan dan memastikan Peralatan berada dalam keadaan boleh digunakan dan beroperasi dengan baik.
- 7.6 Kerajaan hendaklah memeriksa Peralatan semasa penghantaran Peralatan dibuat kepadanya. Tertakluk kepada Fasal 8, Kerajaan adalah dianggap telah memeriksa Peralatan dan berpuas hati

dengan keadaan Peralatan apabila Kontraktor tidak menerima apa-apa notis bertulis daripada Kerajaan tentang ketidakpuasan hatinya terhadap Peralatan dalam masa **tujuh (7) hari** dari tarikh pemasangan Peralatan, kecuali apa-apa kerosakan atau kecacatan yang tidak dapat dikesan oleh Kerajaan dalam pemeriksaan yang patut.

## **8. PENERIMAAN PERALATAN**

- 8.1 Walaupun setelah menerima Peralatan dari Kontraktor, Kerajaan sentiasa berhak menolak Peralatan jika Peralatan tidak menepati spesifikasi atau syarat-syarat yang ditentukan dalam Perjanjian ini.
- 8.2 Jika dalam Tempoh Penyewaan, Peralatan didapati rosak atau tidak dapat digunakan untuk tujuan ia disewa dan kerosakan tersebut bukan berpunca daripada kecuaiian, kelalaian atau tindakan sengaja Kerajaan atau kakitangannya, Kontraktor hendaklah menyenggara dan membaiki Peralatan itu tanpa sebarang kos kepada Kerajaan mengikut tempoh masa yang ditetapkan.
- 8.3 Jika dalam Tempoh Penyewaan, Peralatan didapati tidak memuaskan dan Kerajaan tidak dapat menggunakan Peralatan untuk tujuan ia disewa dan Kontraktor tidak mengambil apa-apa tindakan untuk menyenggara atau membaiki Peralatan tersebut dalam tempoh masa **tiga (3) hari** Waktu Perniagaan Biasa daripada tarikh aduan dibuat, Kerajaan berhak:
- (a)menolak Peralatan tersebut dan Kontraktor dikehendaki menggantikannya dengan peralatan baru yang sama kapasitinya tanpa apa-apa bayaran tambahan dan Perjanjian ini hendaklah terus berkuat kuasa untuk baki Tempoh Penyewaan; atau
  - (b)menamatkan Perjanjian ini di bawah Fasal 12.1(a).
- 8.4 Dalam keadaan berlaku kerosakan ke atas Peralatan yang tidak boleh diperbaiki di Premis, maka Kontraktor bolehlah, tertakluk kepada kebenaran bertulis Kerajaan terlebih dahulu, mengalihkan Peralatan ke suatu tempat kerja yang lebih bersesuaian bagi membolehkan kerja penyenggaraan dan pembaikan ke atas kerosakan tersebut dijalankan dengan sempurna. Bagi maksud ini, Kontraktor hendaklah memastikan suatu peralatan alternatif yang sama kapasitinya dibekalkan kepada Kerajaan sebagai gantian sementara kerja pembaikan tersebut dijalankan tanpa sebarang bayaran kos tambahan kepada Kerajaan.
- 8.5 Jika Kontraktor didapati masih gagal untuk memperbaiki kerosakan ke atas Peralatan tersebut atau jika telah diperbaiki telah gagal untuk mengembalikan Peralatan dalam masa tiga puluh (30) hari dikira dari tarikh Peralatan tersebut dialihkan dari Premis, maka



Kontraktor hendaklah menggantikannya dengan Peralatan yang baru tanpa sebarang kos tambahan kepada Kerajaan.

## **9. WAAD KERAJAAN**

Kerajaan berwaad kepada Kontraktor bahawa sepanjang Tempoh Penyewaan ini, Kerajaan hendaklah:

- (a) memastikan Premis, ruangan pemasangan, jalan laluan dan mata elektrik adalah bersesuaian untuk kerja pemasangan Peralatan;
- (b) tertakluk kepada pematuhan Kontraktor terhadap terma-terma Perjanjian ini, membayar sewa tepat pada waktunya dan semua bayaran lain sepertimana diperuntukkan dalam Fasal 5 Perjanjian ini;
- (c) membenarkan Kontraktor dan mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Kontraktor pada setiap masa yang sesuai dan setelah satu notis bertulis yang munasabah diberi terlebih dahulu untuk masuk ke dalam Premis bagi maksud memeriksa keadaan Peralatan dan menjalankan Khidmat Penyenggaraan, pembaikan dan penggantian Peralatan atau mana-mana bahagian daripadanya;
- (d) menjaga dan memastikan bahawa Peralatan berada dalam milik Kerajaan sepanjang Tempoh Penyewaan ini dan tidak memindahkan Peralatan atau mana-mana bahagian daripadanya dari Premis tanpa terlebih dahulu mendapat persetujuan bertulis daripada Kontraktor dan persetujuan itu tidak boleh ditahan dengan tidak munasabahnya;
- (e) hanya menggunakan alat ganti dan bekalan bahan yang berkaitan dengan dan menjadi pelengkap kepada Peralatan dan bahan lain yang hanya dibekalkan oleh Kontraktor;
- (f) tidak menyebabkan atau membenarkan Peralatan dilekatkan, dipasang atau dikepilkan pada Premis sebagai lekapan;
- (g) memberitahu Kontraktor tentang sebarang perubahan alamat Kerajaan atau sebarang perubahan kepada Premis Peralatan hendak ditempatkan;
- (h) membayar ganti rugi kepada Kontraktor atas segala kehilangan atau kerosakan yang berlaku terhadap Peralatan atau mana-mana bahagian daripadanya sekiranya kehilangan dan kerosakan tersebut disebabkan oleh kecuaiian, kesalahan atau tindakan sengaja Kerajaan atau kakitangannya;
- (i) tidak menjual, menyerah hak, menyewa, menyandar, atau menggadai janji Peralatan atau mana-mana bahagian daripadanya

tanpa terlebih dahulu mendapat persetujuan bertulis daripada Kontraktor;

- (j) mengelak daripada membaiki, menyenggara atau dengan apa-apa cara lain mengusik Peralatan atau menghapuskan plat nama Kontraktor dari Peralatan; dan
- (k) membayar semua kos pembaikan yang dilakukan dan alat ganti yang dibekalkan kepada Peralatan jika pembaikan dan penggantian berpunca daripada kecuaiian, kelalaian atau tindakan sengaja Kerajaan atau kakitangannya;
- (l) memastikan Peralatan bebas daripada sebarang pelaksanaan distress atau proses undang-undang yang lain;
- (m) jika Kerajaan memerlukan Khidmat Penyenggaraan di luar Waktu Perniagaan Biasa (kemudian daripada ini disebut sebagai “Khidmat Penyenggaraan Tambahan”), Kerajaan hendaklah membayar Khidmat Penyenggaraan Tambahan tersebut kepada Kontraktor pada kadar yang dipersetujui oleh Pihak-Pihak.

#### **10. WAAD KONTRAKTOR**

Kontraktor berwaad kepada Kerajaan bahawa semasa Tempoh Penyewaan ini, Kontraktor hendaklah:

- (a) memberi jaminan bahawa Peralatan yang dibekalkan di bawah Perjanjian ini adalah produk keluaran semasa, baru, tulen dan belum pernah digunakan kecuali bagi maksud ujian mutu dan berada dalam keadaan baik dan bebas daripada sebarang kerosakan dan kecacatan dari segi pembuatan dan reka bentuk dengan syarat Peralatan tidak diubah suai oleh Kerajaan tanpa memberikan sebarang notis kepada Kontraktor;
- (b) bertanggungjawab sepenuhnya terhadap semua kos dan perbelanjaan menyediakan perkhidmatan dan penyenggaraan di bawah Perjanjian ini;
- (c) menghantar dan memasang Peralatan di Premis dengan syarat Peralatan yang dipasang dan dihantar hendaklah dalam keadaan yang sangat baik;
- (d) membenarkan Kerajaan yang telah dengan sewajarnya membayar Sewa dan melaksanakan serta mematuhi obligasinya yang terkandung dalam Perjanjian ini supaya memegang dan menggunakan secara aman dan tenteram Peralatan sepanjang Tempoh Penyewaan tanpa gangguan atau kekacauan oleh Kontraktor atau mana-mana orang yang menuntut secara sah melalui, di bawah atau sebagai amanah bagi Kontraktor;

- (e) memastikan bahawa Peralatan berada dalam keadaan yang sangat baik dan untuk tujuan ini, Kontraktor hendaklah menyediakan Khidmat Penyenggaraan sekurang-kurangnya satu (1) kali sebulan seperti memeriksa, servis dan membaiki tanpa mengenakan apa-apa caj kepada Kerajaan yang hendaklah dibuat dalam Waktu Perniagaan Biasa atau mengikut aturan sepertimana yang dipersetujui bersama oleh Kontraktor dan Kerajaan;
- (f) membekalkan alat-alat ganti yang tulen dan setaraf tanpa apa-apa kos kepada Kerajaan dengan syarat Khidmat Penyenggaraan tersebut bukan disebabkan oleh kecuaiian atau tindakan sengaja Kerajaan. Apa-apa perkhidmatan dijalankan oleh Kontraktor hendaklah dilakukan dalam tempoh Waktu Perniagaan Biasa dan jika perlu pada bila-bila masa yang dipersetujui bersama oleh Kontraktor dan Kerajaan;
- (g) memberi jaminan bahawa pelaksanaan khidmat penyenggaraan pembaikan dan pembekalan alat-alat ganti ke atas Peralatan akan berjalan dengan sempurna dan dijamin daripada apa-apa kekurangan, kesilapan dan kecacatan dari segi bahan dan kemahiran kerja;
- (h) bertindak kepada aduan kerosakan Peralatan oleh Kerajaan di mana "*Response Time*" oleh Kontraktor untuk memberi Khidmat Penyenggaraan hendaklah dalam masa 2 hingga 3 jam Waktu Perniagaan Biasa, dikira daripada waktu panggilan dibuat, dengan syarat panggilan dibuat sebelum jam 3.00 petang pada hari yang sama. Jika panggilan diterima selepas jam 3.00 petang, penyenggaraan, pembaikan dan penggantian alat ganti akan dibuat sebelum jam 12.00 tengahari keesokan harinya;
- (i) memberi jaminan bahawa pelaksanaan Khidmat Penyenggaraan ke atas Peralatan tersebut akan berjalan dengan sempurna dan dijamin daripada apa-apa kekurangan, kesilapan dan kecacatan dari segi bahan dan kemahiran tenaga kerja;
- (j) menghantar juruteknik yang berkelayakan dan berkemahiran untuk memeriksa, menyelaras dan menyenggara Peralatan;
- (k) menanggung rugi Kerajaan atas apa-apa kerosakan yang berlaku ke atas Peralatan yang berpunca daripada kelalaian, kecuaiian atau perbuatan sengaja oleh Kontraktor, pekerjaanya, ejennya atau mana-mana pihak yang bertindak bagi pihaknya;
- (l) membenarkan Kerajaan yang telah membayar Sewa dan melaksanakan serta mematuhi persetujuan-persetujuan yang terkandung dalam Perjanjian ini supaya dapat memegang dan menikmati secara aman dan tenteram Peralatan sepanjang Tempoh Sewaan ini tanpa gangguan atau kekacauan daripada atau oleh

Kontraktor atau mana-mana orang yang menuntut secara sah melalui, di bawah atau sebagaimana amanah bagi Kontraktor;

- (m) tidak boleh menzahirkan kepada mana-mana orang atau mana-mana pihak apa-apa maklumat yang ditemui atau yang dizahirkan kepadanya bagi maksud pelaksanaan Perjanjian ini antara Pihak-Pihak. Klausula ini hendaklah terus berkuat kuasa walau pun selepas Perjanjian ini ditamatkan;
- (n) tidak boleh memajakkan kesemua atau mana-mana bahagian Perjanjian ini atau membuat apa-apa perjanjian kecil bagi tujuan Perjanjian ini tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis Kerajaan;
- (o) tidak boleh memberi milik kesemua atau mana-mana bahagian Perjanjian ini atau menerima milik, menggadai atau mempertanggungjawabkan apa-apa jua daripada wang yang kena dibayar di bawah Perjanjian ini atau apa-apa faedah yang terbit atau yang mungkin terbit daripada Perjanjian ini kepada mana-mana orang tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis Kerajaan;
- (p) membekalkan secara percuma segala Peralatan guna habis (*consumables*) seperti *toner, drum, roller*, pencuci, bahan kimia, dawai kokot, bahan-bahan lain dan sebagainya sepanjang Tempoh Penyewaan ini tetapi tidak termasuk bekalan kertas;
- (q) memastikan apa-apa isu yang mungkin berbangkit antara Kontraktor dengan mana-mana pihak ketiga berkaitan dengan Peralatan dan Khidmat Penyenggaraan, termasuklah berkaitan dengan bayaran Sewa dan Bayaran Tambahan, dan apa-apa perkara lain, hendaklah ditangani dan diselesaikan oleh Kontraktor dan tidak boleh dikaitkan dengan Kerajaan dengan apa cara jua; dan
- (r) menyediakan dan menyenggarakan Laporan Penyenggaraan bagi setiap pembaikan, penyenggaraan, penggantian alat ganti dan sebagainya, di mana setiap kali perkhidmatan tersebut dilaksanakan, laporan tersebut hendaklah ditandatangani oleh wakil Pihak-Pihak dan mengemukakannya kepada Kerajaan apabila diminta dari semasa ke semasa.

## **11. HAK MILIK PERALATAN**

Hak milik ke atas Peralatan adalah terletak pada Kontraktor dan akan kekal sepanjang tempoh kuat kuasa Perjanjian ini. Selepas tamat Tempoh Penyewaan, Peralatan akan diambil semula oleh Kontraktor tanpa sebarang kos kepada Kerajaan.

## **12. PENYELENGGARAAN DAN PEMBAIKAN KEROSAKAN OLEH KONTRAKTOR**

- 12.1 Dalam keadaan berlaku kerosakan ke atas Peralatan, Kerajaan hendaklah dengan segera memaklumkan kepada Kontraktor secara bertulis dan Kontraktor hendaklah tanpa lengah melihat kerosakan tersebut dan membaikinya.
- 12.2 Dalam keadaan berlaku kerosakan ke atas Peralatan yang tidak boleh diperbaiki di Premis, maka Kontraktor bolehlah tertakluk kepada kebenaran bertulis Kerajaan terlebih dahulu, mengalihkan Peralatan di suatu tempat kerja yang lebih bersesuaian bagi membolehkan kerja penyelenggaraan dan pembaikan ke atas kerosakan tersebut dijalankan dengan sempurna. Bagi maksud ini, Kontraktor hendaklah memastikan suatu kelengkapan alternatif yang sama kapasitinya dibekalkan kepada Kerajaan sebagai gantian semasa kerja pembaikan tersebut dijalankan tanpa sebarang kos kepada Kerajaan.
- 12.3 Jika Kontraktor didapati masih gagal untuk memperbaiki kerosakan ke atas Peralatan atau jika diperbaiki telah gagal untuk mengembalikan Kelengkapan dalam masa satu (1) minggu dikira dari tarikh bermulanya kerja pembaikan, maka adalah menjadi tanggungjawab Kontraktor untuk menggantikan dengan Peralatan yang baru.

## **13. PELAKSANAAN KHIDMAT PENYENGGARAAN**

- 13.1 Kontraktor hendaklah melaksanakan Khidmat Penyenggaraan dalam Waktu Perniagaan Biasa.
- 13.2 Jika Kerajaan memerlukan Khidmat Penyenggaraan di luar Waktu Perniagaan Biasa (kemudian daripada ini disebut sebagai "Khidmat Penyenggaraan Tambahan"), Kerajaan hendaklah membayar Khidmat Penyenggaraan Tambahan tersebut kepada Kontraktor pada kadar yang dipersetujui oleh kedua-dua Pihak.
- 13.3 Kontraktor hendaklah bertindak kepada aduan kerosakan oleh Kerajaan di mana "*Response Time*" oleh Kontraktor untuk memberi khidmat penyenggaraan pembaikan dan penggantian alat ganti dalam masa 2 hingga 3 jam dalam Waktu Perniagaan Biasa dikira dari waktu panggilan, dengan syarat panggilan dibuat sebelum jam 12.00 tengahari pada hari yang sama. Jika panggilan diterima selepas waktu tersebut, penyenggaraan, pembaikan dan penggantian alat ganti akan dibuat sebelum jam 12.00 tengahari pada keesokan harinya.
- 13.4 Walaupun peruntukan lain dalam Perjanjian ini, jika Kontraktor gagal untuk melaksanakan Khidmat Penyenggaraan dengan sempurna

dan teratur sebagaimana yang ditetapkan di bawah Perjanjian ini berdasarkan penilaian oleh Kerajaan dalam tempoh satu (1) bulan selepas Perjanjian ini berkuat kuasa, maka Kerajaan berhak untuk menamatkan Perjanjian ini tanpa mengemukakan sebarang notis untuk meremеди kekurangan Khidmat Penyenggaraan tersebut dan dalam hal keadaan yang sedemikian, Fasal 16.7 hendaklah terpakai.

- 13.5 Kontraktor dengan ini mengaku janji bahawa alat ganti dan bekalan tambahan akan diberikan secara percuma semasa melaksanakan Khidmat Penyenggaraan pada bila-bila masa yang dikehendaki oleh Kerajaan.

#### 14. **TOLAKAN**

Sekiranya Kontraktor gagal untuk menyediakan Khidmat Penyenggaraan dalam tempoh yang dinyatakan dalam Fasal 13, Kerajaan berhak membuat tolakan sebanyak **Ringgit Malaysia Satu Ratus Lapan Puluh (RM180.00)** sahaja daripada kadar Sewa di bawah Fasal 5 bagi setiap waktu Perniagaan Biasa Kerajaan tidak dapat menggunakan Peralatan untuk tujuan ia disewa.

#### 15. **FORCE MAJEURE**

15.1 Pihak-Pihak adalah tidak bertanggungjawab bagi sebarang kerugian, ketinggalan atau kegagalan dalam menjalankan Perjanjian ini, jika kerugian, ketinggalan atau kegagalan tersebut timbul akibat daripada keadaan-keadaan *Force Majeure* ("Keadaan-keadaan *Force Majeure*"). Dalam keadaan ini, yang menyebabkan mana-mana Pihak tidak dapat menyempurnakan Perjanjian ini, Perjanjian ini boleh ditamatkan dengan persetujuan Pihak-Pihak tanpa apa-apa pampasan. Kejadian *Force Majeure* hendaklah bermaksud:

- (a) peperangan (sama ada ia diisytiharkan atau tidak), pertempuran, penaklukan atau tindakan oleh musuh-musuh asing;
- (b) pemberontakan, revolusi, rampasan kuasa, perang saudara atau tindakan penganas;
- (c) bencana alam termasuk, tetapi tidak terhad kepada gempa bumi, banjir, kebakaran spontan bawah tanah, ombak besar atau apa-apa bencana alam yang secara munasabah nya seseorang yang berpengalaman tidak dijangka dapat mengambil langkah berjaga-jaga;

- (d) letupan nuklear, pencemaran radioaktif atau bahan kimia atau radiasi;
- (e) tekanan gelombang yang disebabkan oleh kapal terbang atau apa-apa peranti aerial yang bergerak dalam kelajuan sonik atau supersonik;
- (f) rusuhan, kekecohan atau kekacauan awam; atau
- (g) sebab-sebab atau bahaya-bahaya yang lain yang di luar kawalan mana-mana Pihak.

- 15.2 Jika Keadaan-keadaan *Force Majeure* berlaku yang menyebabkan mana-mana Pihak tidak dapat melaksanakan apa-apa obligasinya di bawah Perjanjian ini (atau mana-mana bahagian daripadanya) yang terjejas akibat daripada keadaan-keadaan *Force Majeure* tersebut, Pihak tersebut hendaklah dengan serta merta memaklumkan akan keadaan-keadaan *Force Majeure* tersebut kepada Pihak yang satu lagi dan diikuti dengan butir-butir terperinci mengenai keadaan-keadaan *Force Majeure* dan kesannya kepada pelaksanaan Perjanjian ini.
- 15.3 Mana-mana Pihak tidak boleh menggunakan mana-mana peruntukan dalam Fasal ini jika Pihak-Pihak telah memutuskan secara munasabahnya bahawa satu keadaan-keadaan *Force Majeure* tidak berlaku.
- 15.4 Pihak-pihak hendaklah membuktikan bahawa keadaan-keadaan *Force Majeure* benar-benar berlaku sebelum melepaskan tanggungjawab mengikut Fasal 15.1.
- 15.5 Jika Perjanjian ini ditamatkan di bawah Fasal 15.1, semua hak dan obligasi Pihak-Pihak di bawah Perjanjian ini hendaklah terhenti dan mana-mana Pihak tidak boleh membuat apa-apa tuntutan terhadap Pihak yang satu lagi melainkan berkaitan apa-apa hak dan liabiliti yang terakru sebelum berlakunya keadaan-keadaan *Force Majeure* tersebut.
- 15.6 Bagi mengelakkan sebarang keraguan, Pihak-Pihak kepada Perjanjian ini hendaklah terus melaksanakan obligasi dan tanggungjawab mereka di bawah Perjanjian ini yang tidak terjejas akibat daripada keadaan-keadaan *Force Majeure* dan obligasi berkenaan hendaklah terus berkuat kuasa sementara menunggu pelaksanaan peruntukan fasal ini.

## **16. PENAMATAN**

### **16.1. Penamatan Oleh Kerajaan**

16.1.1 Kerajaan boleh menamatkan Perjanjian ini jika didapati:

- a. Kontraktor gagal untuk mematuhi atau melaksanakan mana-mana terma atau syarat dalam Perjanjian ini;
- b. Kontraktor sebagai orang perseorangan (atau apabila Kontraktor adalah suatu firma, mana-mana pekongsi firma itu) pada bila-bila masa menjadi bankrap, atau sesuatu perintah penerimaan atau pentadbiran dibuat terhadapnya atau membuat suatu penyelesaian atau perkiraan dengan atau bagi faedah pemiutang, atau jika Kontraktor adalah sebuah syarikat meluluskan suatu ketetapan atau mahkamah membuat suatu perintah bahawa syarikat itu digulung (bukan suatu penggulungan ahli bagi maksud penyusunan atau penyatuan) atau jika seseorang penerima atau pengurus bagi pihak seorang pemiutang dilantik atau jika timbul keadaan yang memberi hak kepada mahkamah membuat suatu perintah penggulungan. Dengan syarat sentiasa bahawa penamatan Perjanjian di bawah Fasal 16.1 tidak akan menyentuh hak-hak lain Kerajaan yang sedia terakru di bawah Perjanjian ini; dan
- c. Kontraktor memberi kontrak kecil, memindah milik atau menyerahkan Perjanjian ini untuk dilaksanakan oleh pihak lain, tanpa persetujuan Kerajaan.

16.1.2 Jika keadaan di bawah Fasal 16.1(a) berlaku, maka Kerajaan berhak memberi notis bertulis ("Notis Kemungkiran") kepada Kontraktor dengan menyatakan kemungkiran yang berlaku dan mengkehendaki Kontraktor untuk meremedikan kemungkiran tersebut dalam tempoh tiga puluh (30) hari daripada tarikh penerimaan Notis Kemungkiran oleh Kontraktor. Jika Kontraktor gagal untuk mengambil tindakan untuk meremedikan kemungkiran tersebut dalam tempoh masa yang ditetapkan dalam Notis Kemungkiran, maka Kerajaan boleh menamatkan Perjanjian ini dengan serta-merta dengan memberikan notis bertulis kepada Kontraktor.

16.1.3 Jika keadaan yang dinyatakan di bawah Fasal 16.1(b) atau 16.1(c) berlaku, maka Kerajaan berhak untuk menamatkan Perjanjian ini dengan memberi notis bertulis kepada Kontraktor.



## **16.2 Kesan-kesan Penamatan**

16.2.1 Apabila Perjanjian ini ditamatkan mengikut Fasal 16.1.2 atau 16.1.3-

- a. Kerajaan-
  - (i) berhak menuntut daripada Kontraktor ganti rugi, kerugian kos dan perbelanjaan (termasuk apa-apa kos dan perbelanjaan sampingan) yang ditanggung oleh Kerajaan akibat penamatan Perjanjian; dan
  - (ii) membayar kepada Kontraktor apa-apa jua jumlah Sewa yang terakru di bawah Perjanjian ini.
- (b) Kontraktor berhak untuk memasuki Premis untuk mengambil semua Peralatan atas kos dan perbelanjaan Kontraktor sendiri.

## **16.3 Penamatan Oleh Kontraktor**

16.3.1 Jika Kerajaan tanpa sebab yang munasabah-

- a. telah gagal membayar sewa atau bayaran lain yang telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak untuk dibayar oleh Kerajaan selepas tiga puluh (30) hari dari tarikh ia perlu dibayar; atau
- b. telah gagal untuk mematuhi atau melaksanakan mana-mana terma atau syarat yang terkandung dalam Perjanjian ini,

Kontraktor boleh memberikan notis bertulis selama tiga puluh (30) hari kepada Kerajaan atau tempoh lain yang dipersetujui oleh Pihak-Pihak menyatakan kemungkiran yang berlaku dan mengkehendaki Kerajaan untuk meremedikan kemungkiran tersebut dalam tempoh tiga puluh (30) hari daripada tarikh penerimaan notis bertulis tersebut.

16.3.2 Jika keadaan di bawah Fasal 16.3.1 masih berterusan selepas tempoh yang ditetapkan, maka Kontraktor boleh menamatkan Perjanjian ini dengan memberikan notis bertulis kepada Kerajaan.

#### **16.4 Kesan Penamatan**

16.4.1 Apabila Perjanjian ini ditamatkan mengikut Fasal 16.3- Kontraktor berhak:

- a. memasuki Premis untuk mengambil semua Peralatan atas kos dan perbelanjaan Kontraktor sendiri; dan
- b. untuk dibayar apa-apa jua jumlah Sewa yang teraku di bawah Perjanjian ini.

**16.5** Pihak-Pihak bersetuju jika Perjanjian ini ditamatkan, Kontraktor tidak berhak kepada apa-apa bentuk kerugian termasuk kerugian perolehan pendapatan, pampasan, ganti rugi, kos, perbelanjaan dan sebagainya selain daripada yang diperuntukkan mengikut Fasal 16.2.1(a) dan Fasal 16.4.1(b). Pihak-Pihak selanjutnya bersetuju bahawa bayaran yang dibuat oleh Kerajaan di bawah Fasal 16.2.1(a) dan Fasal 16.4.1(b) adalah terjumlah kepada satu penyelesaian penuh dan muktamad di antara Pihak-Pihak.

#### **16.6 Penamatan Kerana Rasuah, Aktiviti Haram Atau Menyalahi Undang-Undang**

16.6.1 Tanpa menyentuh apa-apa hak Kerajaan yang lain, jika Kontraktor, prinsipal, personel atau pekerjanya disabitkan oleh mahkamah bagi perbuatan rasuah atau aktiviti haram atau menyalahi undang-undang berkaitan Perjanjian ini atau mana-mana perjanjian lain yang dimasuki di antara Kontraktor dan Kerajaan, Kerajaan berhak untuk menamatkan Perjanjian ini pada bila-bila masa dengan membrikan notis secara bertulis bagi tujuan tersebut kepada Kontraktor.

16.6.2 Jika Perjanjian ini ditamatkan mengikut Fasal 16.6.1 -

- a. maka kesan-kesan penamatan mengikut Fasal 16.2.1(a) dan (b) adalah terpakai; dan
- b. Kerajaan berhak kepada ganti rugi, kos dan perbelanjaan (termasuk kos-kos dan perbelanjaan sampingan) yang timbul dan ditanggung akibat penamatan tersebut. Pihak-Pihak bersetuju bahawa Kontraktor tidak layak untuk menuntut apa-apa bentuk ganti rugi yang lain termasuk kerugian perolehan pendapatan, pampasan atau apa-apa tuntutan lain berbangkit daripada penamatan Perjanjian ini.

## **16.7 Penamatan Awal Dengan Notis**

- 16.7.1 Walaupun apa jua peruntukan dalam Perjanjian ini, Kerajaan boleh menamatkan Perjanjian ini lebih awal atas apa jua sebab sekali pun dengan memberi satu (1) bulan notis kepada Kontraktor.
- 16.7.2 Apabila Perjanjian ini ditamatkan mengikut Fasal 16.7.1, makakesan-kesan penamatan mengikut Fasal 16.2.1 (a) dan (b) dan fasal 16.2 adalah terpakai.
- 16.7.3 Penamatan Perjanjian ini di bawah Fasal 16 ini tidak menjejaskan hak mana-mana Pihak untuk mengambil tindakan mengenai apa-apa pelanggaran terma-terma dan syarat-syarat Perjanjian ini yang telah berlaku sebelum daripada tarikh Perjanjian ini ditamatkan oleh Pihak yang satu lagi.

## **17. PENYELESAIAN PERTIKAIAN**

- 17.1 Apa-apa hal, pertikaian, percanggahan atau persoalan yang timbul daripada atau berkenaan dengan Perjanjian ini hendaklah diselesaikan secara baik atau aman oleh Pihak-Pihak.
- 17.2 Jika hal, pertikaian, percanggahan atau persoalan tersebut tidak dapat diselesaikan secara baik oleh Pihak-Pihak, hal, pertikaian atau tuntutan tersebut bolehlah dirujuk kepada penimbang tara yang hendaklah dipersetujui oleh Pihak-Pihak.
- 17.3 Sekiranya tidak ada persetujuan berhubung dengan pemilihan penimbang tara, penimbang tara hendaklah dicalonkan, atas permohonan salah satu Pihak oleh Pengarah Pusat Timbang Tara Serantau Kuala Lumpur.
- 17.4 Apa-apa rujukan kepada penimbang tara hendaklah dianggap sebagai suatu rujukan kepada timbang tara mengikut cara yang diperuntukan oleh Akta Timbang Tara 2005 [*Akta 646*].
- 17.5 Keputusan yang diberikan oleh penimbang tara adalah muktamad dan mengikat Pihak-Pihak.
- 17.6 Setiap prosiding timbang tara hendaklah dijalankan di bawah Peraturan-Peraturan Pusat Timbang Tara Serantau Kuala Lumpur yang bertempat di Pusat Timbang Tara Serantau Kuala Lumpur ("Pusat") dengan menggunakan kesemua kemudahan dan kelengkapan yang tersedia di Pusat tersebut

atau di mana-mana tempat yang akan ditentukan oleh penimbang tara dan dipersetujui oleh Pihak-Pihak.

17.7 Apa-apa rujukan kepada mana-mana hal, pertikaian, percanggahan atau persoalan kepada timbang tara selaras dengan klausa ini atau perlanjutan prosiding timbang tara akibat daripadanya, hendaklah tanpa menyentuh apa-apa tuntutan oleh mana-mana Pihak kepada Pihak yang satu lagi mengenai apa-apa pelanggaran terdahulu terhadap mana-mana persetujuan atau syarat yang terkandung di dalam Perjanjian ini.

## **18. PERUNTUKAN AM**

### **18.1 NOTIS/SURAT MENYURAT**

18.1.1 Apa-apa notis, kelulusan, kebenaran, permohonan atau lain-lain perhubungan yang diperlukan atau boleh disampaikan atau dibuat di bawah Perjanjian ini hendaklah dibuat secara bertulis di dalam Bahasa Kebangsaan dan dihantar ke alamat atau difakskan ke nombor faks Kerajaan atau Kontraktor seperti yang berikut dan hendaklah disifatkan telah disampaikan atau dibuat apabila dihantar kepada penerima di alamat atau nombor faks yang diakui penerimaannya jika disampaikan secara serahan tangan atau melalui faks melainkan jika Perjanjian ini mengkehendaki sebaliknya.

#### **a. Bagi pihak Kerajaan:**

Pejabat Tanah dan Galian Pulau Pinang  
Paras 22, Kompleks Tun Abdul Razak (KOMTAR)  
10000 Georgetown, Pulau Pinang

No. Tel : 04-6505211

No.Faks : 04-2619588

#### **b. Bagi pihak Kontraktor:**

Alamat

No. Tel :

No.Faks :

18.1.2 Pihak-Pihak hendaklah memberi notis bertulis empat belas (14) hari kepada Pihak yang satu lagi sekiranya berlaku pertukaran alamat atau entiti.

## **18.2 PENEPIAN HAK**

Kegagalan mana-mana Pihak menjalankan atau menguatkuasakan mana-mana hak, remedi atau peruntukan di bawah Perjanjian ini pada bila-bila masa, tidak akan terjumlah kepada suatu penafian hak, melainkan ianya telah dibuat secara bertulis dan ditandatangani oleh Pihak-Pihak atau seseorang yang diberi kuasa secara nyata oleh Pihak-Pihak untuk tujuan tersebut terlebih dahulu.

## **18.3 KONTRAK KECIL**

18.3.1 Kontraktor tidak boleh memberi kontrak kecil terhadap Perjanjian ini atau mana-mana bahagian Perjanjian ini dengan tanpa mendapat kelulusan Kerajaan terlebih dahulu.

18.3.1 Jika Perjanjian ini atau mana-mana bahagian daripadanya diberi kontrak kecil kepada mana-mana pihak lain dengan persetujuan bertulis Kerajaan, Kontraktor bersetuju tanpa syarat untuk terus bertanggungjawab secara berterusan dan secara sendiri dan peribadi bagi memastikan kontraktor kecil mematuhi terma-terma dan syarat-syarat dalam Perjanjian ini.

18.3.2 Sebarang isu yang timbul antara Kontraktor dan kontraktor kecil mengenai Perjanjian ini atau hal-hal lain adalah di luar tanggungjawab Kerajaan.

## **18.4 SERAH HAK**

Kontraktor tidak boleh menyerah hak kesemua atau mana-mana bahagian Perjanjian ini atau menggadai janji, menggadai atau memepertanggungkan apa-apa jua daripada wang yang kena dibayar atau yang telah genap masanya untuk dibayar di bawah Perjanjian ini dan apa-apa faedah yang terlibat atau yang mungkin terbit daripada Perjanjian ini dengan tidak terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis daripada Kerajaan.

## **18.5 TAWARAN ATAU BALASAN**

18.5.1 Kontraktor tidak boleh menawar atau memberi kepada mana-mana kakitangan Kerajaan sebarang hadiah atau pertimbangan apa jua pun sebagai dorongan atau balasan kerana melakukan apa-apa tindakan berhubung dengan perolehan atau pelaksanaan Perjanjian ini atau mana-mana perjanjian lain dengan Kerajaan atau kerana menunjukkan atau tidak menunjukkan sokongan terhadap mana-mana

orang dalam Perjanjian ini atau mana-mana perjanjian dan kontrak Kerajaan yang lain.

18.5.2 Mana-mana pelanggaran syarat yang dinyatakan dalam Fasal 18.5.1 oleh Kontraktor atau oleh seseorang yang bekerja dengannya atau bertindak bagi pihaknya (sama ada dengan atau tanpa pengetahuan Kontraktor) akan terjumlah kepada suatu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 [*Akta 694*], berhubung dengan Perjanjian ini atau kontrak atau perjanjian lain dengan Kerajaan dan dengan ini akan senantiasa memberikan hak kepada Kerajaan untuk menamatkan Perjanjian ini dan mendapatkan kembali jumlah sebarang kerugian yang timbul akibat daripada penamatan itu daripada Kontraktor.

## **18.6 KOS DAN DUTI SETEM**

Apa-apa kos dan duti setem yang harus dibayar berkenaan dengan Perjanjian ini hendaklah ditanggung oleh Kontraktor.

## **18.7 TANGGUNG RUGI**

Kontraktor hendaklah menanggungrugi Kerajaan,pekerjanya dan agennya bagi kehilangan atau kerosakan harta atau kecederaan diri yang berpunca daripada tindakan, kecuaiian atau ketidakjujuran Kontraktor, pengawal atau mana-mana pekerja Kontraktor.

## **18.8 PEMAKAIAN DAN PEMATUHAN UNDANG-UNDANG**

18.8.1 Perjanjian ini hendaklah ditafsirkan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia dan Pihak-Pihak bersetuju untuk tertakluk kepada bidang kuasa mahkamah-mahkamah di Malaysia.

18.8.1.1 Kontraktor hendaklah mematuhi segala peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa, arahan, perintah atau kehendak yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang kompeten untuk berbuat demikian di bawah mana-mana peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia.

18.8.1.2 Kontraktor hendaklah memastikan mana-mana kontraktor kecil yang dilantik di bawah Fasal 18.3 turut mematuhi segala peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa, arahan, perintah atau kehendak yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang kompeten untuk berbuat demikian di bawah mana-mana peruntukan

undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia.

### **18.9 PINDAAN**

Sebarang pindaan, tambahan atau perubahan kepada Perjanjian ini hendaklah dibuat secara bertulis melalui suatu perjanjian tambahan dan ditandatangani oleh kedua-dua Pihak.

### **18.10 KERAHSIAAN**

18.10.1 Kontraktor tidak boleh menzahirkan kepada mana-mana orang atau mana-mana pihak apa-apa maklumat yang ditemuinya atau yang dizahirkan kepadanya bagi maksud pelaksanaan Perjanjian ini antara Pihak-Pihak.

18.10.2 Fasal 18.10.1 hendaklah terus berkuat kuasa walaupun setelah Perjanjian ini ditamatkan atas apa-apa sebab.

### **18.11 MASA**

Masa hendaklah menjadi intipati dalam Perjanjian ini.

### **18.12 IKATAN PERJANJIAN**

Perjanjian ini hendaklah mengikat ejen, wasi, pentadbir, pengganti dan penerima pindahmilik Kontraktor.

### **18.13 TAJUK DAN TAJUK KECIL**

Tajuk dan tajuk kecil kepada fasal dalam Perjanjian ini dimasukkan bertujuan untuk memudahkan sahaja dan tidak boleh diambilkira sebagai sebahagian daripada Perjanjian atau untuk dibuat pertimbangan dalam mentafsirkan Perjanjian ini.

### **18.14 LAMPIRAN**

Lampiran kepada Perjanjian ini hendaklah dibaca dan ditafsirkan sebagai sebahagian yang penting kepada Perjanjian ini.

.....  
(Ruangan di bawah sengaja dibiarkan kosong)

**PADA MENYAKSIKAN PERKARA YANG TERSEBUT DI ATAS**, Pihak-Pihak kepada Perjanjian ini telah menurunkan tandatangan dan meteri mereka pada hari dan tahun mula-mula yang tertulis di atas.

Ditandatangani oleh ) .....

Untuk dan bagi pihak **KERAJAAN:** )

Di hadapan:

Nama : )

No. K/P : ) .....

Jawatan : )

Ditandatangani oleh ) .....

Untuk dan bagi pihak Kontraktor )

Di hadapan :

Nama : )

No. K/P : ) .....

Jawatan : )



## JADUAL SPESIFIKASI

Terdapat 3 jenis mesin fotostat yang dipohon melalui sebut harga 'Perkhidmatan Penyewaan Mesin Fotostat Di Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang' seperti berikut:

- i) Jenis 1 (Cetakan **Berwarna**) - Mesin fotostat yang berkeupayaan mencetak cetakan berwarna dan hitam putih.
- ii) Jenis 2 (Cetakan **Berwarna**) - Mesin fotostat yang berkeupayaan mencetak cetakan berwarna dan hitam putih.
- iii) Jenis 3 (Cetakan **Black & White**) - Mesin fotostat yang berkeupayaan mencetak cetakan hitam putih.

**Penyebutharga perlu mengisi jadual spesifikasi teknikal mesin fotostat dalam lampiran seperti berikut:**

- i) LAMPIRAN G -           Jadual Spesifikasi Teknikal Mesin Fotostat Jenis 1  
                                  (Cetakan Berwarna)**
- ii)LAMPIRAN G -        Jadual Spesifikasi Teknikal Mesin Fotostat Jenis 2  
                                  (Cetakan Berwarna)**
- ii)LAMPIRAN G -        Jadual Spesifikasi Teknikal Mesin Fotostat Jenis 3  
                                  (Cetakan Black & White)**

### ***PENGESAHAN KONTRAKTOR***

Syarat-syarat di atas telah dibaca dan saya/syarikat ini bersetuju dengannya.

.....  
Tandatangan & Cop

Nama Penuh : .....

No. K/P : \_\_\_\_\_

Alamat : \_\_\_\_\_

Tarikh : \_\_\_\_\_

## SPEKIFIKASI DAN SYARAT-SYARAT KHAS SEBUTHARGA

**PERKHIDMATAN PENYEWAAN DAN PENYENGGARAAN MESIN PENYALIN DIGITAL KEPADA PEJABAT TANAH DAN GALIAN NEGERI PULAU PINANG BAGI TEMPOH 36 BULAN MULAI 01 APRIL 2021 SEHINGGA 31 MAC 2024**

PERIHAL	MESIN PENYALIN DIGITAL (JENIS 1)	MESIN PENYALIN DIGITAL (JENIS 2)	MESIN PENYALIN DIGITAL (JENIS 3)
Kuantiti	1 Unit	5 unit	8 unit
Colour Support	Full Colour	Full Colour	Black & White
Model	Mesin baharu dan masih belum digunakan	Mesin baharu dan masih belum digunakan	Mesin baharu dan masih belum digunakan
Kapasiti Memori	4GB	2GB	2GB
HDD	250GB	250GB	250GB
Type of origins	Desktop full color Printer/ Copier / Scanner	Console Full Colour Printer / Copier / Scanner	Desktop Printer / Copier / Color Scanner
Maximum Document Size	SRA3	A5-SRA3	SRA3
Copy Size	A3	A3	A3
Warm-up time	Color : 30 sec. or less BW : 22 sec. or less	22 sec. or less	22 sec. or less
First copy time	Color : 4 sec. or less BW : 3 sec. or less	Color : 5.3 sec. or less BW : 3.7 sec. or less	3.5 sec. or less
Copy Speed	65 cpm	Color : 60 sec. or less BW : 65 sec. or less	55 cpm
Kapasiti Kertas	2,150 sheets	2,150 sheets	2,150 sheets
Multiple copy	1-9, 999 sheets	1-9, 999 sheets	1-9, 999 sheets
Image Loss	Max 4.2 mm or less for top edge Max 3.0 mm or less for top edge	Max 4.2 mm or less for top edge Max 3.0 mm or less for top edge	Max 4.2 mm or less for top edge Max 3.0 mm or less for top edge

	Max 3.0 mm or less for top edge	Max 3.0 mm or less for top edge	Max 3.0 mm or less for top edge
Copy Resolution	600 dpi x 600 dpi Print : 1,200 x 1,200 dpi	600 dpi x 600 dpi Print : 1,200 x 1,200 dpi	600 dpi x 600 dpi Print : 1,200 x 1,200 dpi
Accessories	Fax, Dual Scanning, OCR Connector	Fax, Dual Scanning	Fax, Dual Scanning
Penempatan	Tingkat 22 - Khidmat Pengurusan,	Tingkat 3 – Unit Hakmilik Strata	Tingkat 3 – Unit Hakmilik Strata
		Tingkat 19 – Unit Hakmilik Strata	Tingkat 19 – Unit Hakmilik Strata
		Tingkat 21 – Unit Pendaftaran Hakmilik	Tingkat 19 – Unit Hasil
		Tingkat 22 – Unit Pembangunan	Tingkat 19 – Unit Teknologi Maklumat
		Tingkat 22 – Unit Penguatkuasaan Dan Teknikal	Tingkat 21 – Unit Pendaftaran Hakmilik (2 unit)
			Tingkat 22 – Unit Pembangunan (2 unit)
Printer Languages	PCL 6 (XL3.0); PCL 5c; PostScript 3 (CPSI 3016); XPS	PCL 6 (XL3.0); PCL 5c; PostScript 3 (CPSI 3016); XPS	PCL 6 (XL3.0); PCL 5c; PostScript 3 (CPSI 3016); XPS
